

## **PANDUAN PERMOHONAN PINDAAN BUTIRAN PADA LESEN**

### **APAKAH BUTIRAN PADA LESEN YANG BOLEH DIBUAT PINDAAN?**

- 1) Nama Syarikat atau perniagaan;
  - Jika perubahan nama pada pensyarikatan, perlu kemuka Borang 13, Akta Syarikat 1965;
  - Jika pertukaran Sdn. Bhd. kepada Bhd., perlu kemuka Borang 20, Akta Syarikat 1965;
  - Jika pertukaran Bhd. kepada Sdn. Bhd., perlu kemuka Borang 19, Akta Syarikat 1965;
  - Jika perubahan nama pada pendaftaran, perlu kemuka Borang B, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956; atau
  - Lain-lain dokumen yang berkaitan
- 2) Nama ahli kongsi atau perseorangan;
  - Jika berlaku pertukaran ahli-ahli kongsi atau pemilikan tunggal dalam pendaftaran perniagaan, perlu kemuka Borang D, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956; atau
  - Lain-lain dokumen yang berkaitan
- 3) Alamat berdaftar;
  - Jika perubahan alamat berdaftar pada pensyarikatan, perlu kemuka Borang 44, Akta Syarikat 1965;
  - Jika perubahan alamat berdaftar pada pendaftaran, perlu kemuka Borang B, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956; atau
  - Lain-lain dokumen yang berkaitan

- 4) Alamat premis perniagaan;
  - Pemegang lesen dikehendaki mengemuka sesalinan surat kebenaran menggunakan premis, perjanjian jual & beli, perjanjian sewa, geran tanah atau lain-lain dokumen yang mengesahkan premis boleh diduduki.

### **JIKA BERLAKU PERUBAHAN MAKLUMAT, APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN?**

- a) Pemegang lesen dikehendaki dalam tempoh 14 hari memberitahu MPOB , apa-apa perubahan dalam:
  - i) Alamat berdaftar (fi RM50.00)
  - ii) Alamat premis termasuk perubahan lot bagi estet (fi RM50.00)
  - iii) Alamat surat-menyurat (tiada fi)
- b) Pemegang lesen dikehendaki dalam tempoh 21 hari memberitahu MPOB , apa-apa perubahan dalam:
  - i) Nama syarikat atau perniagaan (fi Rm50.00)
  - ii) Nama ahli kongsi atau perseorangan (fi Rm50.00)
  - iii) Nama ahli lembaga pengarah (tiada fi)
  - iv) keluasan estet (tiada fi)
  - v) ekuiti (tiada fi)

### **BAGAIMANA MEMOHON PINDAAN BUTIRAN PADA LESEN?**

*Setiap permohonan pindaan butiran pada lesen hendaklah disertakan bayaran fi sebanyak RM50.00 bagi setiap butiran yang dipinda. Permohonan pindaan butiran adalah melalui laman web <https://e-lesen.mpopb.gov.my>*

**JIKA PELESEN GAGAL MEMAKLUMKAN PERUBAHAN MAKLUMAT, APAKAH TINDAKAN MPOB?**

Pemegang lesen yang gagal memaklumkan sebarang perubahan maklumat dalam tempoh 21 hari, boleh dikenakan denda tidak melebihi RM200,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya sekali